

**LAPORAN PROGRAM KHIDMAT NASIHAT / KAUNSELING KERJAYA
BERSAMA CAREER INFO CENTRE (JOBSMALAYSIA) 2016**

**DISEDIAKAN OLEH: NOR HASHINA BINTI BAHRUDIN (PEGAWAI GE DAN
1L5G PIS)**

TARIKH: 8-17 MEI 2016

MASA : 9 PAGI – 12 TGH HARI

TEMPAT: DEWAN KULIAH UTAMA POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

**PESERTA: PELAJAR SEMESRTER AKHIR JKM, JKE, JRKV DAN JPH
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN (300 ORANG)**

ANJURAN: CISEC PIS

Dewasa ini, mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang yang dipelajari semasa di peringkat pengajian tinggi menjadi cabaran utama kepada semua pelajar apabila tamat pengajian. Namun begitu, keadaan semasa dan ekonomi dunia turut memerlukan bakal pekerja yang kompetitif dalam bekerja dan mempunyai pelbagai kemahiran yang diperolehi secara formal dan tidak formal semasa di alam pembelajaran. Pandangan pertama majikan kepada calon-calon bakal pekerja semasa menyemak resume dan menghadiri temuduga amat penting kepada graduan-graduan politeknik yang bakal menamatkan pengajian. Oleh yang demikian, Unit CISEC PIS telah menganjurkan Program Khidmat Nasihat / Kaunseling Kerjaya Bersama Career Info Centre (Jobsmalaysia) 2016 sebagai persediaan kepada pelajar-pelajar semester akhir di PIS.

Program Khidmat Nasihat / Kaunseling Kerjaya Bersama Career Info Centre (Jobsmalaysia) 2016 merupakan satu medium yang baik bagi mendedahkan pelajar untuk mencari pekerjaan dan tips-tips temuduga yang berkesan bagi membantu pelajar bersedia dengan lebih baik untuk mengharungi kehidupan selepas alam pembelajaran. Pelajar juga berpeluang untuk mengetahui kemahiran menulis resume dan 'cover letter' dan persediaan menghadiri temuduga yang akan memberikan pelbagai pendedahan awal untuk menghadiri temuduga.

Objektif kursus ini diadakan adalah :

1. Kursus ini diadakan untuk menyediakan diri pelajar-pelajar PIS dengan kemahiran yang diperlukan untuk menulis resume dan tips-tips temuduga yang berkesan.
2. Dengan kemahiran yang pelajar perolehi dari kursus ini, dapat meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar-pelajar politeknik ke alam pekerjaan masa kini yang lebih mencabar.

Kesimpulannya, kursus ini dapat menerapkan kemahiran nilai tambah dalam diri pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan. Dengan kemahiran yang disediakan melalui kursus ini, diharapkan dapat mencapai Key Performance Index Politeknik Ibrahim Sultan dengan meningkatkan peratusan lulusan yang mendapat pekerjaan.



Gambar: Peserta-peserta sedang menjalani taklimat